

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 MARCH 2015

Allahyarham ayahanda sentiasa dalam kenangan – PM

Um-12/3/2015

KUALA LUMPUR 11 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ayahandanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, akan sentiasa dalam kenangannya.

“Hari ini genap hari lahir ke-93 Allahyarham ayahanda saya. Beliau sentiasa dalam kenangan saya. Al-Fatihah,” kata Najib dalam catatan di laman Twitter.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua yang dikenang sebagai Bapa Pembangunan Malaysia, dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, pada 11 Mac 1922.

Allahyarham meninggal dunia pada 14 Jan 1976. - BERNAMA



**ALLAHYARHAM TUN
ABDUL RAZAK HUSSEIN**